



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

PERJANJIAN OPERASI (*OPERATING AGREEMENT – OA*) ANTARA KERAJAAN DAN MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD (MAHB) BAGI MENGOPERASI, MENGURUS, MENYELENGGARA DAN MEMBANGUN 39 BUAH LAPANGAN TERBANG DAN PADANG TERBANG (*SHORT TAKE-OFF AND LANDING AIRPORTS– STOLPORTS*) DAN PENJENAMAAN SEMULA KLIA DAN *kli*a2

Kementerian Pengangkutan ingin memaklumkan bahawa Jemaah Menteri pada 2 Februari 2023 telah bersetuju secara prinsip dengan syarat-syarat material baharu perjanjian operasi (OA 2023) antara Kerajaan dan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) bagi mengoperasi, mengurus, menyelenggara dan membangun 39 buah lapangan terbang dan padang terbang (*Short Take-Off and Landing Airports-STOLports*) di Malaysia untuk tempoh sehingga tahun 2069. Di antara terma-terma dan syarat-syarat utama OA 2023 adalah seperti berikut:

- (i) Kerajaan dan MAHB mempunyai fleksibiliti dalam kaedah pembiayaan kos pembangunan lapangan terbang sama ada menggunakan peruntukan Kerajaan melalui Perbelanjaan Pembangunan (*Development Expenditure – DE*) atau MAHB melalui mana-mana *mekanisme investment recovery model* yang bersesuaian, tertakluk kepada persetujuan bersama kedua-dua pihak dengan kadar *weighted average cost of capital* (WACC) ditentukan hanya apabila projek terlibat akan dilaksanakan dan tertakluk kepada persetujuan Kerajaan;
- (ii) penubuhan akaun amanah pembangunan lapangan terbang yang dikenali sebagai *Airport Development Fund* (ADF) di bawah Sekyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi menerima sumbangan daripada pengguna lapangan terbang, orang awam dan juga syarikat-syarikat penerbangan serta tidak melibatkan sumbangan daripada dana Kerajaan;
- (iii) sebanyak 50% daripada komponen Caj Perkhidmatan Penumpang (*Passenger Service Charge-PSC*) yang diambil kira dalam pengiraan User Fee akan disalurkan kepada akaun amanah ADF. Peratusan PSC atau peratusan daripada lain-lain komponen dalam User Fee untuk disumbangkan ke dalam akaun ADF akan dikaji semula pada setiap tiga tahun; dan
- (iv) Kerajaan berhak untuk menstruktur semula industri lapangan terbang melalui kaedah *clustering, carving out, divestment of airports, closure of existing airports or terminals or the restructuring of the ownership of any of the facilities* tertakluk kepada persetujuan bersama dengan MAHB.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Syarat-syarat material baharu di bawah OA 2023 ini akan membolehkan Kerajaan dan MAHB melaksanakan pelan pembangunan komersial yang lebih berdaya saing dan berpotensi meningkatkan pendapatan Kerajaan melalui perkongsian hasil ke atas tanah milik Kerajaan yang dibangunkan oleh MAHB. Dengan pelaksanaan konsep subsidi bersilang, semua aspek-aspek pengurusan dan penyelenggaraan 17 buah STOLports yang merupakan tanggungjawab sosial Kerajaan pada masa ini akan terus dipertanggungjawabkan kepada MAHB sehingga tahun 2069.

Pelaksanaan OA 2023 ini juga akan membolehkan MAHB merencana perancangan pembangunan jangka panjang yang lebih baik bagi semua lapangan terbang di bawah seliaannya, mengambil kira kepakaran dan pengalaman MAHB yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang memberangsangkan dalam bidang pengurusan lapangan terbang di Malaysia dan juga di luar negara. Selain itu, pelaksanaan OA 2023 ini akan membolehkan pihak MAHB membantu meringankan beban Kerajaan dengan mengambil alih kos pembangunan yang melibatkan lapangan terbang yang kompetitif dan berdaya saing pada masa akan datang. Dalam hubungan ini, MAHB boleh menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pihak yang berminat untuk melabur dalam pembangunan lapangan terbang pada masa hadapan.

Pihak Kerajaan dan MAHB akan memuktamadkan dan menandatangani OA 2023 dan Perjanjian Pajakan yang berkaitan selewat-lewatnya sebelum akhir suku pertama tahun 2023.

Selanjutnya, Jemaah Menteri turut bersetuju dengan cadangan penjenamaan semula KLIA dan klia2 kepada KLIA Terminal 1 dan KLIA Terminal 2 bagi tujuan mencapai nilai yang lebih tinggi dalam memasarkan perkhidmatan di lapangan terbang tersebut dengan lebih berkesan, di samping memperkukuhkan persaingan dengan lapangan-lapangan terbang antarabangsa serantau.

Cadangan untuk menandatangani OA 2023 antara Kerajaan dan MAHB, serta cadangan penjenamaan semula KLIA dan klia2 memainkan peranan penting dalam menentukan kelestarian komersil (*commercial sustainability*) KLIA dan juga pertumbuhan di lapangan-lapangan terbang seluruh negara. Pelaksanaan ini dijangka dapat membantu meningkatkan daya saing global perkhidmatan pengangkutan udara negara serta memulihkan semula sektor penerbangan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat berlandaskan gagasan Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

9 Februari, 2023

-TAMAT-





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Mengenai MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk memimpin dalam sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berasaskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media **Kementerian Pengangkutan Malaysia**

013-2553623
Setiausaha Akhbar Menteri Pengangkutan
En. Lu Wei Hoong

011-28829408
Pegawai Perhubungan Awam 1 , Kementerian Pengangkutan
Pn. Ho Mei Kei
E-mel unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

